

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**  
**KAWASAN : HULU LANGAT**

**SOALAN:**

**YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT (HULU LANGAT)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan secara terperinci cadangan Kementerian membina lebuh raya baru di sekitar Lembah Klang termasuk sekitar Hulu Langat dalam usaha menyuraikan trafik yang terlalu padat.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 7 projek lebuhraya baru di sekitar Lembah Klang yang telah diluluskan oleh Kerajaan dari tahun 2013 hingga kini, iaitu seperti berikut:

### **Peringkat Pembinaan:**

1. Lebuhraya Pantai Barat (WCE) – 316km (233km akan dibina oleh syarikat konsesi); Syarikat Konsesi: West Coast Expressway Sdn. Bhd.; Tempoh Konsesi: 60 tahun; Anggaran Kos Pembinaan: RM5.04 bilion (untuk skop yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi sahaja); dan
2. Lebuhraya Lingkaran Luar Kuala Lumpur - Hubungan Timur (EKVE) – 36.2km (24.2km untuk jajaran utama); Syarikat Konsesi: EKVE Sdn. Bhd.; Tempoh Konsesi: 59 tahun; Anggaran Kos Pembinaan: RM1.55 bilion;

### **Peringkat Perancangan:**

3. Lebuhraya Damansara – Shah Alam (DASH) – 47km (20.1km untuk jajaran utama); Syarikat Konsesi: DASH Sdn. Bhd.; Tempoh Konsesi: 65 tahun; Anggaran Kos Pembinaan: RM4.18 bilion;

4. Lebuhraya Sungai Besi – Ulu Klang (SUKE) – 59km (31.8km untuk jajaran utama); Syarikat Kongsesi: SUKE Sdn. Bhd.; Tempoh Kongsesi: 65 tahun; Anggaran Kos Pembinaan: RM5.2 bilion;
5. Lebuhraya Kinrara – Damansara (KIDEX) – 26.1km (14.9km untuk jajaran utama) ; Syarikat Kongsesi: KIDEX Sdn. Bhd.. Tempoh Kongsesi: 48 tahun; Anggaran Kos Pembinaan: RM2.42 bilion;
6. Lebuhraya Putrajaya ke KLIA (MEX 2) – 18km; Syarikat Kongsesi: MEX 2 Sdn. Bhd.; Tempoh Kongsesi: 33 tahun; Anggaran Kos Pembinaan: RM1.25 bilion; dan
7. Lebuhraya Setiawangsa - Pantai Expressway (SPE) – 50km (32km untuk jajaran utama); Syarikat Kongsesi: DUKE Fasa 3 Sdn. Bhd.; Tempoh Kongsesi: 60 tahun; Anggaran Kos Pembinaan: RM3.75 bilion.

Sekian, terima kasih.